



**KENYATAAN MEDIA**  
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

**Islamic Relief Malaysia Lancar Projek Bekalan Air Bersih di 3 Buah Negara Dengan  
Tawaran Lebih 10,000 Lot Wakaf**

**BANGI** – Islamic Relief Malaysia terus proaktif menjalankan projek bekalan air bersih di tiga buah negara iaitu Somalia, Bangladesh dan Indonesia dengan sasaran kutipan dana sebanyak RM1 juta menerusi kempen Dana Wakaf Sistem Air (DWAS).

Pelancaran kempen di bawah sektor air, sanitasi dan kebersihan diadakan pada hari ini bersempena dengan sambutan Hari Air Sedunia 2022 dan akan berlangsung sehingga 31 Disember 2022.

Umum mengetahui, air adalah sumber penting dalam memastikan kelangsungan hidup manusia, haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

Ia juga turut memainkan peranan dalam menjana pertumbuhan ekonomi bagi sektor pertanian, perindustrian dan perikanan serta berperanan penting dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar dan menstabilkan suhu global.

“Melihat kepada data yang dikeluarkan oleh UNICEF, seramai 2.2 bilion penduduk di seluruh dunia kini menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber air bersih untuk diminum dan disebabkan itu, 3.4 juta orang terutama kanak-kanak maut setiap tahun akibat penyakit bawaan air impak daripada ketiadaan akses kepada air bersih tadi.

“Jadi, tindakan pantas perlu dilakukan bagi mengekang masalah ini kerana kesan ketiadaan sumber air bersih sangat besar, bahkan menurut UNICEF, jika isu ini terus berlarutan, berbilion-bilion kanak-kanak dan keluarga rentan akan hidup dalam keadaan lebih kritikal menjelang tahun 2030,” kata Zairulshahfuddin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia.

Kempen berslogan #setitisharapan ini menawarkan lebih 10,000 lot wakaf bermula harga serendah RM50 menerusi lima intervensi pembinaan sistem bekalan air yang akan memberi sinar baharu kepada lebih 15,000 penerima manfaat. Maklumat lanjut seperti berikut:

Negara	Intervensi	Jumlah Penerima Manfaat	Harga 1 Lot
Somalia	1. Sistem bekalan air bersama tenaga solar dan tangki air 10M <sup>3</sup> di Baidoa.	6,200 Individu	RM50
	2. Sistem bekalan air termasuk tangki air dan saluran paip di Baladwayne.	4,000 Individu	RM100
	3. Sistem bekalan air bersama tenaga solar dan tangki air 25M <sup>3</sup> di Garowe.	2,400 Individu	RM160
Bangladesh	27 telaga tiub ‘semi-deep’ di Tangail, Utara Bangladesh.	1,620 Individu	RM460
Indonesia	Pam ram hidrolik dan sistem saluran air di Mamuju & Majene, Sulawesi Barat.	1,200 Individu	RM120

“Selain mewujudkan akses sumber air bersih kepada para penerima manfaat, Islamic Relief turut memberikan latihan penjagaan serta kursus baik pulih kepada ahli jawatankuasa setempat yang dilantik bagi memastikan kemudahan yang diberikan diurus tadbir serta diselenggara dengan baik pada masa akan datang,” kata Zairulshahfuddin.

Islamic Relief Malaysia memilih Somalia sebagai salah satu lokasi projek sebagai kesinambungan kejayaan pembinaan dua kompleks telaga air pada tahun 2018 dan satu kompleks air pada awal tahun 2021 hasil sumbangan orang ramai menerusi kempen Dana Wakaf Air Somalia (DWAS 1.0) dan Dana Wakaf Air Somalia 2.0 (DWAS 2.0) sebelum ini. Usaha ini juga diharapkan dapat memberi penyelesaian jangka masa panjang kepada rakyat Somalia yang diancam kebuluran sejak tahun 2011.

Di Bangladesh, Islamic Relief Malaysia berharap dengan adanya kemudahan ini dapat mengurangkan peratusan 73 juta penduduk Bangladesh yang terpaksa menggunakan air tercemar dengan kandungan arsenik dan virus E. Coli bagi kegunaan harian kerana ia boleh mengakibatkan masalah cirit-birit, jangkitan kolera dan penyakit usus (*dysentery*).

Di Indonesia pula, Bank Dunia melaporkan bahawa meskipun pendapatan per kapita negara itu lebih tinggi daripada Filipina dan Vietnam, namun Indonesia masih jauh ketinggalan dari sudut kemudahan air, sanitasi dan kebersihan. Pembuangan najis secara terbuka juga masih berlaku dan ia boleh mengakibatkan sumber air tercemar serta membawa kepada penularan penyakit cirit-birit.

Justeru, Islamic Relief Malaysia sangat berharap agar usaha murni ini mendapat sokongan daripada seluruh rakyat Malaysia dalam usaha membantu meringankan beban para penerima manfaat serta menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ke-6 iaitu

memastikan semua lapisan masyarakat di seluruh dunia mendapat akses kepada bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang baik.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian di laman sesawang [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, makanan, kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti serta air, sanitasi dan kebersihan.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui beberapa kaedah berikut:

#### **1) Melalui akaun Islamic Relief Malaysia**

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

#### **2) Sumbangan Tunai atau Kad Kredit di Charity Shoppe**

#### **3) Platform Atas Talian:**

Laman Web Islamic Relief Malaysia | LaunchGood | Give.Asia | Kitafund | Lazada | Shopee | GrabPay | TouchNGo eWallet | SnapNPay

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,  
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**  
**Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)  
Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my) atau  
WhatsApp: [+6019-630 9788](tel:+6019-630 9788)